

## Hati nurani dan kemekaran insan melalui teknik TPDM dalam era Pendidikan 5.0

*Conscience and human flourishing through the TPDM technique in the era of Education 5.0*

**Nadarajan Thambu\***

Jabatan pengajian Moral, Sivik dan Pembangunan karakter, Fakulti Sains Kemanusiaan,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

\*Corresponding author: [nada@fsk.upsi.edu.my](mailto:nada@fsk.upsi.edu.my)

**Published:** 21 August 2025

**To cite this article (APA):** Thambu, N. (2025). Hati nurani dan kemekaran insan melalui teknik TPDM dalam era Pendidikan 5.0. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 11(SPECIAL ISSUE 2), 32-45. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol11.sp2.4.2025>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol11.sp2.4.2025>

### ABSTRAK

Cabaran utama dalam era Pendidikan 5.0 ialah untuk melahirkan individu yang bermoral, berkarakter dan mekar insan tanpa mengabaikan kemahiran teknologi serta kerjaya. Individu murid yang berkembang mekar diharap dapat menyumbang kepada kesejahteraan manusia secara lokal dan global, seperti yang digariskan dalam matlamat *Sustainable Development Goals* (SDG). Dalam hubungan ini satu unsur yang perlu diambil kira ialah hati nurani yang menjadi asas kemekaran insan. Pemeraksanaan hati nurani perlu bermula dari sekolah dengan menggunakan strategi dan teknik pengajaran yang kreatif dan inovatif. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menggunakan satu teknik inovatif iaitu Teater Perbincangan Dilema Moral (TPDM) dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral. Murid-murid dilibatkan dalam empat langkah TPDM iaitu: (i) pengembangan skrip (ii) lakonan immoral (iii) perbincangan dilemma dan (iv) lakonan penyelesaian dilemma, untuk memperkasa hati nurani yang menjadi tunjang kemekaran insan. Data dikumpul secara kualitatif dan dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tema. Sebanyak 4 tema terjana daripada data yang dianalisis iaitu kesedaran moral, emosi moral, sikap rasional dan empati moral. Tema-tema yang terjana memberi implikasi terhadap perkembangan hati nurani yang menjadi paksi kemekaran insan murid sekolah menengah.

**Kata kunci:** Pendidikan 5.0, hati nurani, kemekaran insan, inovatif, Teater Perbincangan Dilema Moral

### ABSTRACT

The main challenge in the era of Education 5.0 is to produce individuals who are moral, possess strong character and flourish as human beings, without neglecting technological and career-related skills. Students who develop and flourish are expected to contribute to human well-being both locally and globally, as outlined in the Sustainable Development Goals (SDGs). In this regard, one essential element to consider is conscience, which serves as the foundation for human flourishing. The empowerment of conscience must begin in schools through the use of creative and innovative teaching strategies and techniques. Therefore, this study aims to implement an innovative technique, namely the Moral Dilemma Discussion Theatre (TPDM), in the teaching and learning of Moral Education. Students are involved in four TPDM steps: (i) script development, (ii) immoral performance (iii) dilemma discussion, and (iv) dilemma resolution performance, in order to strengthen the conscience and human flourishing. Data was collected qualitatively and analyzed using thematic analysis. Four themes emerged from the analyzed data, which is moral awareness, moral emotions, rational attitude, and moral empathy. The emerging themes have implications for the development of conscience, which serves as the core axis of human flourishing among secondary school students.

**Keywords:** Education 5.0, conscience, human flourishing, innovation, Moral Dilemma Discussion Theatre (TPDM)

## PENGENALAN

Matlamat ke-4 *Sustainable Development Goals* (SDGs) ialah untuk memberikan pendidikan berkualiti dan mahu mencapai akses universal kepada pendidikan tinggi. Pada masa yang sama, pendidikan 5.0 dalam sektor pendidikan pula memberi tumpuan dalam mewujudkan persekitaran berpusatkan pelajar yang memanfaatkan teknologi terkini dan kaedah pengajaran. Dalam konteks di Malaysia, SDGs yang ke-4 (pendidikan berkualiti) ini diterima dengan hati terbuka. Selain memberikan tumpuan kepada aspek-aspek *hardware* (teknologi, kurikulum dan metode pengajaran), tumpuan juga harus diberikan kepada elemen *software* seperti membina kekuatan dalaman iaitu keutuhan “hati nurani” demi kemekaran insaniah yang sejahtera. Justeru, elemen hati nurani adalah potensi yang perlu diperkasa dan dibina oleh manusia untuk menjamin bahawa mereka sedang berkembang mekar untuk menjadi manusia yang melangsungkan kesejahteraan diri, sosial, ekonomi dan alam sekitar secara lokal dan global (Ismail et. al., 2022; Rizka et al., 2021).

Oleh itu, sudah tiba masanya untuk kita memikirkan semula tujuan pendidikan (*education goal*) dalam Masyarakat 5.0 dan merenung kembali pengajaran dan pembelajaran yang boleh merealisasikan matlamat kudus pendidikan dalam membina insaniah. Demi tujuan itu, pertama-tamanya kita perlu memahami apa yang dimaksudkan dengan hati nurani (*conscience*) dan kemekaran insan (*human flourishing*) yang menjamin kesejahteraan manusia sejagat? Memandangkan hati nurani dan kemekaran insan mempunyai hubung kait yang rapat dengan kesejahteraan manusia dan pendidikan sebagai wahana yang penting, maka pemeraksanaan kedua-dua aspek ini penting sebagai salah satu elemen “pusat” dalam era pendidikan Masyarakat 5.0. Murid yang bakal dilahirkan, diharapkan dapat menyesuaikan diri dengan perubahan keperluan masyarakat dalam era revolusi perindustrian yang ke-5 (IR.5.0).

## PENYATAAN MASALAH

Sejak akhir-akhir ini, masalah sosial yang melibatkan murid sekolah kian meningkat. Statistik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bahawa, sebanyak 4,994 kes buli telah direkodkan setakat bulan Oktober 2023, telah membimbangkan semua pihak. Gejala salah laku remaja memberikan implikasi buruk kepada kesejahteraan sosial, kesihatan mental, pembinaan modal insan, imej dan juga menambah beban kewangan kepada negara. Tampaknya masalah ini masih belum selesai walaupun pelbagai program “sifar salah laku” telah dijalankan oleh pihak kementerian dan sekolah. Selain itu, pihak sekolah juga kurang mempunyai arah panduan yang khusus untuk memperkasa elemen pemikiran, akhlak, emosi, tingkah laku, dan karakter karamah insaniah murid. Jika keadaan ini dibiarkan berterusan, maka aspirasi untuk melahirkan masyarakat 5.0 yang menjadi agenda negara akan terbantut.

Selain itu, dari sudut pandangan moral, mereka yang terlibat dalam gejala antisosial juga tidak memiliki elemen kesedaran emosi moral (Eisenberg, 2000). Kesedaran emosi penting untuk memandu individu kepada kesedaran nurani (*moral conscience*) dan kesedaran nurani pula akan memandu seseorang kepada elemen sensitiviti moral (Rest, 1986). Seseorang yang memiliki sensitiviti moral peka dalam memahami norma dan piawaian moral masyarakat sebelum mengambil sesuatu keputusan. Mereka sedar akan tingkah laku yang baik, sesekali pun tidak bertindak di luar batasan moral (Eisenberg, 2006). Dalam konteks ini pihak sekolah perlu melatih dan merangsang domain emosi moral murid agar kesedaran hati nurani (*conscience*) dan sensitiviti dapat dikembangkan dan diperkukuh. Pihak sekolah perlu mengadakan pelbagai program ‘celik emosi’ untuk merangsang dan memantapkan domain emosi yang menjadi pasak kesedaran hati nurani (Karim, Long & Badaruddin, 2021). Pakar-pakar psikologi berpendapat murid-murid sekolah perlu dididik secara “dalaman” (*inner conscious*) agar masalah ini dapat dibendung. Proses kejuruteraan dalaman (*inner engineering*), perlu dilaksanakan kepada murid agar mereka dapat memperkukuh domain afektif yang mendukung emosi dan hati nurani (Narvaez, & Bradshaw, 2023), yang membawa kepada kemekaran insan (*human flourishing*).

Pelbagai faktor diberikan sebagai punca masalah salah laku seperti kurangnya penghayatan nilai, akhlak, moral, agama dan spiritual. Namun tunjang kepada punca masalah sosial dan divian ini ialah tiadanya elemen kesedaran hati nurani (*conscience*) dalam kalangan remaja dan belia (Naselli &

Crowley, 2016). Sebenarnya, hati nurani adalah yang menjadi tunjang kepada perkembangan kemekaran insan. Dalam konteks ini, pelaksanaan subjek Pendidikan Moral yang bertunjangkan hati nurani dan kemekaran insan menjadi tuntutan yang wajib. Kaedah instruksional dan pedagogi yang mampu memperkasa hati nurani dan kemekaran insan wajar digunakan untuk melahirkan generasi 5.0 yang maju dan madani secara lokal dan global. Menurut Dewey (1947), pemeraksanaan hati nurani dan perlakuan boleh dilaksanakan secara santai dengan memberikan pengalaman pembelajaran (*experiential learning*) melalui kaedah drama atau teater.


## SOROTAN KAJIAN

Falsafah Pendidikan Kebangsaan jelas meletakkan matlamat untuk melahirkan insan murid yang seimbang dari aspek Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelekt berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Transformasi pendidikan dari era KBSM (1989-2013) ke era KSSM (2014) juga menekankan bentuk kurikulum berasaskan 6 tunjang. Tunjang ke-2 ialah (kerohanian, sikap & nilai) dan tunjang ke-3 ialah (kemanusiaan). Kementerian Pendidikan Malaysia juga melancarkan konsep Karamah Insaniah di sekolah bagi melahirkan murid yang beradab, berintegriti dan berakhlak (Nurliyana, 2023). Ternyata matlamat akhir pendidikan di Malaysia ialah untuk melahirkan insan murid yang berakhlak mulia, bermoral, beradab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta boleh memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Dalam hubungan ini, aspek kesedaran hati nurani menjadi asas untuk pemikiran, akhlak, pembinaan karakter dan tindakan yang bermoral. Matlamat akhir pendidikan ialah untuk melahirkan tindakan prososial dalam kalangan pelajar. Pemeraksanaan hati nurani wajar untuk menangani pelbagai masalah antisosial manusia. Agama Islam juga memberikan tempat yang penting kepada hati sebagai tonggak pembinaan insan manusia. Sabda junjungan Nabi Muhammad s.a.w, riwayat al-Bukhari dan Muslim, “Ketahuilah bahawa dalam jasad ada seketul daging, apabila baik maka baiklah jasad, apabila rosak maka rosaklah jasad. Ketahuilah ia adalah hati!” (<https://muftiperlis.gov.my>). Oleh itu, pengukuhan dan pemeraksanaan hati nurani akan menjadi penyelesaian mutlak kepada pelbagai masalah sosial di samping memperkembang kemekaran insan.

### Hati nurani (*conscience*)

Perkataan "hati nurani" (*conscience*) secara etimologi berasal daripada bahasa Latin ‘conscientia’, yang bermaksud "kebebasan pengetahuan" atau "dengan pengetahuan" (Naselli & Crowley, 2016). Pengetahuan yang dimaksudkan di sini ialah, pengetahuan “kesedaran” tentang tindakan kita sendiri. Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), pula memberikan definisi hati sebagai batin iaitu sebagai tempat untuk perasaan dan pengertian. Dalam perkataan bahasa Inggeris, *conscience* pula digambarkan sebagai kesedaran dalaman tentang standard moral dalam minda seseorang. Hati nurani juga dikaitkan dengan kualiti, niat, motif dan kemoralan seseorang individu. Justeru, hati nurani juga ditakrifkan sebagai perasaan moral seseorang dalam menentukan sama ada sesuatu tindakan itu betul atau salah. Malahan hati nurani juga disamakan dengan istilah ‘suara hati’ yang bertindak sebagai panduan kepada tingkah laku seseorang. Hati nurani yang sedar akan memiliki perasaan simpati, empati, segan silu, takut, rasa bersalah (*guilty*) dan kemahiran membuat keputusan bermoral sebelum bertindak. Rujuk Rajah 1.



Menurut Naselli (2016), hati nurani ialah rasa atau kesedaran tentang kebaikan moral. Beliau juga mengaitkan hati nurani sebagai niat dan karakter yang wujud bersama-sama dengan perasaan kewajipan untuk melakukan perkara yang betul dalam usaha untuk menjadi insan yang baik. Perasaan kewajipan yang wujud hasil daripada kesedaran hati nurani bukan sahaja memandu individu untuk melakukan perkara yang betul, malahan menghalang mereka daripada melakukan perkara yang salah (Zakrzewski, 2021). Menurut pakar pendidikan psikologi moral, Narvaez dan Bradshaw (2023), pembangunan sahsiah adalah mengenai hati nurani. Ibu bapa dan sekolah mungkin mengajar kanak-kanak tentang nilai murni seperti kejujuran, keadilan dan tanggungjawab melalui pemodelan, perbincangan dan amalan, tetapi apabila desakan datang untuk mendorong, hati nurani individu yang menentukan sama ada mereka akan melaksanakan nilai murni ini apabila diperlukan (Narvaez, 1994).

Hati nurani juga membuatkan seseorang individu berasa bersalah, apabial mereka sedara bahawa tindakan yang mereka lakukan itu adalah salah (Churchland, 2019). Rasa bersalah (*guilty*) ini boleh membantu membimbing individu kembali ke jalan yang betul. Kesedaran ini mendorong mereka untuk tidak mengulangi kesalahan yang sama. Selain itu, hati nurani juga membantu seseorang untuk menilai sama ada tindakan, sikap atau keputusan itu betul atau salah. Justeru, kesedaran hati nurani penting kerana ia mampu memperlihatkan tindakan atau menggalakkan tingkah laku yang adil, saksama dan bermoral (Naselli & Crowley, 2016). Ternyata, kesedaran hati nurani menjadi tunjang untuk melakukan tingkah laku yang baik dan mengelakkan tingkah laku jahat.

### **Kemekaran insan (*human flourishing*)**

Kemekaran insan juga sinonim dengan kesejahteraan. Kesejahteraan adalah istilah payung yang digunakan untuk menyatakan kesejahteraan individu, iaitu kebahagiaan dan perkembangan tentang kemekaran insan. Antara ciri-ciri kemekaran ialah, individu mengembangkan dan menggubal potensi mereka dengan cara yang optimum dan kadang-kadang seseorang itu perlu gigih, dan mengatasi kekecewaan dan emosi negatif (De Ruyter & Wolbert, 2020). Terdapat beberapa pandangan dan tafsiran tentang kemekaran atau kesejahteraan insan yang juga ada hubung kait dengan hati nurani. Dalam konteks ini, ahli falsafah klasik Aristotle berpendapat bahawa menjalani kehidupan yang baik harus melibatkan pengamalan kebajikan (*arete*) dan kebijaksanaan praktikal (*phronesis*), yang membawa kepada *eudaimonia*, atau kemakmuran insan (Aristotle, 2009).

### **Pandangan Aristotle**

Teori kemekaran insan atau *theory of human flourishing* telah dibincangkan oleh ahli falsafah Greek iaitu Aristotle, dan beliau menyifatkannya ia sebagai “*eudaimonia*” yang bererti mempunyai jiwa atau semangat yang baik. Menurut Aristotle (2009), “*eudaimonia*” ialah apa yang diusahakan oleh semua manusia dan merupakan pengakhiran itu sendiri (*is an end in itself*). Beliau mendefinisikannya konsep kemekaran insan sebagai “cara kita sepatutnya sebagai manusia” (*the way we are supposed to be as human beings*). Kemekaran manusia bagi Aristotle ialah manusia sepatutnya memupuk budi pekerti atau karakter yang baik (*cultivate good character*) untuk kesejahteraan jiwa (*souls to flourish*).

Kehidupan yang terbaik (*the best life*) adalah salah satu aktiviti manusia yang sangat baik. Dalam konteks ini, kemekaran insan adalah kebaikan tertinggi dalam usaha untuk menjadi manusia yang sejahtera dan ia menjadi kewajipan ke arah serta tujuan semua tindakan.

Dalam mengetahui apa itu kemekaran atau kesejahteraan manusia, seseorang itu perlu menyiasat apakah ciri-ciri utama sifat manusia dan apakah fungsi kelahiran manusia. Aristotle menyimpulkan bahawa, kebaikan manusia ternyata menjadi suatu aktiviti jiwa yang mempamerkan kebajikan (*virtue*), sesuai, yang terbaik dan paling lengkap (Aristotle, 2009, hlm. 12). Manusia berkembang mekar ke arah kesejahteraan apabila mereka bertindak secara mulia (Aristotle, 2009; Curren, 2013; Dunne, 1999). Menjadi orang yang berakhlak mulia adalah ciri utama dalam tafsiran Aristotle tentang kemekaran insan dan kesejahteraan sejagat (Kristjánsson, 2020). Perkembangan kemekaran insan adalah keadaan dinamik, sama seperti aktiviti pencarian yang berterusan sebagai keadaan wujud (Kristjánsson, 2020; Rasmussen, 1999). Malahan kemekaran adalah satu kejayaan sebagai seorang insan manusia yang sejahtera.

### **Pandangan ahli falsafah pendidikan**

Ahli falsafah pendidikan sering berdebat tentang hubungan di antara kemekaran atau kesejahteraan, budi pekerti dan kebaikan. Ahli falsafah Pendidikan seperti Curren, (2013), Curzer (2012) dan Kristjánsson, (2020), juga bersetuju budi pekerti (*virtuosity*) adalah satu syarat yang diperlukan untuk kesejahteraan manusia (*human flourishing*). Bagi Kristjánsson (2020), misalnya, jika seseorang dapat bertindak sebagai seorang yang berakhlak mulia dengan niat dan emosi yang tidak bertentangan dengan tindakan mulia maka dalam konteks ini dia sudah memiliki konsep kemekaran insan.

Pandangan terkini tentang kemekaran manusia atau kesejahteraan, telah dibangunkan oleh ahli falsafah pendidikan iaitu John Ehrenfeld (2019). Menurut beliau, kesejahteraan manusia bukan sahaja memerlukan sistem ekologi yang sejahtera atau kelangsungan hidup (dari kelahiran hingga kematian), tetapi juga kesejahteraan eksistensial. Hal ini akan muncul apabila manusia dapat membangunkan kesempurnaan peribadi dan hidup dalam keadaan yang dapat merealisasikan koherensi sosial. Kesempurnaan peribadi berpunca daripada keunikan setiap individu dan ia adalah ekspresi keaslian yang mencerminkan nilai dan norma peribadi seseorang (Ehrenfeld, 2019).

### **Teater Perbincangan Dilema Moral (TPDM).**

Kaedah perbincangan dilemma moral ialah satu strategi pengajaran yang menggunakan dilemma moral sebenar yang dihadapi oleh individu dan masyarakat dalam kehidupan harian (Lin, et al., 2023). Teater Perbincangan Dilema Moral (TPDM) ini merupakan satu kaedah yang mengadaptasi dan menggabungkan strategi ‘perbincangan dilema moral’ dan teknik teater forum (Thambu, Abd. Rapor, & Sukadari, 2021). Dalam strategi ini, murid akan terlibat dalam 4 langkah iaitu (i) pengembangan skrip (ii) Lakonan Immoral (iii) Perbincangan Dilema dan (iv) Lakonan Penyelesaian Dilema. Keempat-empat sesi ini akan dikendalikan oleh seorang moderator yang berperanan sebagai Badut/Joker. Joker ini bertujuan untuk menarik perhatian audien di samping mengendalikan strategi Teater Perbincangan Dilema Moral (TPDM) secara santai selaras dengan konsep ‘didik-hibur’. Proses ini juga memberi keinsafan kepada murid agar tidak melibatkan diri dalam gejala-gejala yang bertentangan dengan suara hati mereka.

### **Empat Langkah Teater Perbincangan Dilema Moral (TPDM)**

#### **(i) Pengembangan Skrip**

Dalam sesi pengembangan skrip, guru membantu murid menulis sebuah skrip lakonan. Skrip ini menggambarkan situasi yang mempunyai konflik atau dilema moral. Dalam konteks kajian ini isu-isu yang dijadikan skrip untuk lakonan immoral ialah isu-isu salah laku remaja di sekolah seperti isu vandalisme, buli, gengsterisme, jenayah juvana, penyalahgunaan dadah dan lain-lain lagi. Tujuan penulisan skrip ialah untuk membolehkan murid memahami sesuatu isu salah laku murid dengan lebih mendalam (Boal, 2022). Dalam proses penulisan skrip, murid dapat juga berfikir tentang sikap negatif manusia yang berpunca daripada tiadanya perasaan perikemanusiaan yang membawa kepada pelbagai

masalah salah laku dalam masyarakat. Proses ini dapat menyentuh psikologi murid dengan memberikan kesedaran hati nurani secara langsung.

### **(ii) Lakonan Immoral**

Skrip yang ditulis akan dilakonan untuk tontonan murid lain. Lakonan immoral ialah lakonan simulasi yang menunjukkan insiden salah laku yang wujud di sekolah. Para pelajar akan terlibat dalam lakonan ini. Lakonan yang realistik akan memberikan kesan emosi, impak dan kesedaran hati nurani kepada pelakon yang terlibat dan juga kepada penonton. Sebagai contoh, murid yang membawa watak pembuli akan dapat merasakan “kejelikan” sikapnya sebagai pembuli. Hal ini akan menimbulkan kesedaran tentang sikap buruknya dan ia mendorongnya untuk menjadi individu yang baik tanpa terlibat dalam gejala salah laku. Manakala penonton pula dapat melihat sendiri kesengsaraan mangsa buli dan ia merangsang sikap simpati dan empati dalam hati sanubari mereka (Novak, 2019). Setiap skrip yang ditekankan akan memberi kesan visual yang melibatkan semua pancaindera manusia lantas ia memberikan impak secara langsung kepada emosi, pemikiran, penaklukan dan hati nurani manusia.

### **(iii) Perbincangan Dilemma**

Dalam sesi ini, isu salah laku tadi akan dibincangkan untuk mencari jalan penyelesaian. Seorang Joker akan mengendalikan sesi ini. Penonton diminta untuk memberikan idea penyelesaian kepada isu yang dilakonan dalam bentuk lakonan juga. Dalam konteks ini, penonton boleh menukarkan watak-watak negatif (antagonis) kepada watak-watak positif (protagonis). Penyelesaian harus diberi dalam bentuk lakonan agar penyelesaian yang diberikan boleh mencakupi aspek pemikiran, perasaan dan tingkah laku yang didorong oleh kesedaran hati nurani. Sebagai contoh, sikap watak pembuli yang ganas, harus ditukar sebagai seorang yang berbudi bahasa, prihatin, penyayang, adil, dan bertindak untuk membantu orang yang lemah (Boal, 2022). Kesemua elemen ini boleh ditunjukkan secara langsung dalam aksi lakonan untuk memberikan kesedaran kepada diri sendiri dan penonton.

### **(iv) Lakonan Penyelesaian Dilema**

Akhirnya dalam lakonan penyelesaian dilema, penonton yang telah memberikan idea penyelesaian akan tampil ke pentas untuk memberikan penyelesaian dalam bentuk lakonan juga. Mereka akan membawa penyelesaian melalui lakonan seperti menukarkan sikap watak yang negatif kepada perwatakan positif, dari aspek pemikiran, perasaan dan tindakan yang dipandu oleh hati nurani. Penglibatan dalam proses penyelesaian dilema secara langsung pula dapat membangkitkan emosi dan hati nurani murid (Boal, 2022; Heynen, et al., 2023). Mereka memaparkan contoh sikap atau tingkah laku yang baik dalam menangani masalah salah laku. Akhirnya, Joker akan menutup persembahan ini dengan memberikan rasional dan justifikasi terhadap penyelesaian atau peleraian kepada dilema/konflik moral yang diberikan.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini dilaksanakan dalam reka bentuk kajian kes instrinsik dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Peserta kajian dipilih melalui teknik persampelan bertujuan (Richards & Morse, 2007) atau (*purposive sampling*). Semua peserta kajian terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral melalui teknik Teater Perbincangan Dilema Moral. Seramai 18 orang murid Pendidikan Moral tingkatan 4, pelbagai bangsa dan jantina dipilih dari tiga buah sekolah untuk dijadikan peserta kajian. Mereka terdiri daripada 9 orang peserta lelaki dan 9 orang peserta perempuan. Tiga instrumen kajian iaitu protokol pemerhatian dalam bilik darjah, protokol temu bual dan protokol catatan jurnal digunakan untuk mengutip data. Kesahan kandungan instrumen telah diperolehi melalui komen dan kritikan daripada pakar dalam bidang teater, pedagogi dan Pendidikan Moral. Teknik pemerhatian tidak turut serta digunakan untuk mengutip data pemerhatian. Manakala teknik temu bual kumpulan berfokus dengan soalan-soalan temu bual separa berstruktur digunakan untuk mengutip data temu bual (Creswell

& Creswell, 2017). Teknik analisis tema yang disyorkan oleh Braun dan Clarke (2006) digunakan untuk menganalisis data. Kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian diperkukuh melalui teknik triagulasi (*triangulation*). Dapatan kajian dikategorikan mengikut beberapa tema untuk dipersembahkan dalam penulisan ini.

## DAPATAN KAJIAN

Data yang dikumpul daripada ketiga-tiga sumber telah dianalisis dan sebanyak empat tema terjana untuk menjawab soalan kajian yang digariskan. Berikut ialah dapatan dan perbincangan tentang tema-tema tersebut serta kupasannya.

### Tema 1: Kesedaran moral

Teater Perbincangan Dilemma Moral dapat mewujudkan elemen kesedaran moral dalam kalangan peserta kajian. Elemen kesedaran moral tentang perkara baik dan bernilai serta perkara buruk yang harus dihindari dalam masyarakat dapat disedari oleh peserta kajian dalam sesi pembangunan skrip. Peserta kajian dapat membangunkan beberapa skrip yang mempunyai konflik moral dan sosial yang wujud dalam masyarakat. Skrip yang dikembangkan dapat menunjukkan kesedaran moral mereka tentang permasalahan dalam masyarakat yang harus dipaparkan dan perlu diatasi secara bersama. Selain memaparkan kesedaran moral, sesi pembangunan skrip juga memaparkan motif peserta kajian yang mahu mengetengahkan masalah moral demi tatapan umum. Motif ini juga mempunyai kaitan dengan hati nurani mereka yang mahukan satu kehidupan masyarakat yang bermoral. Rujuk temu bual berikut:

Penyelidik: Bagaimana skrip yang dikembangkan dapat memperkasa hati nurani kalian?

Peserta 1: Kumpulan kami sengaja menulis skrip yang menunjukkan konflik antara diri, tanggungjawab terhadap keluarga dan tanggungjawab sosial. Kini kita masih banyak melihat dan mendengar tentang isu buli dan gengsterisme di sekolah dan juga di universiti. Mengapa perkara ini masih berlaku? Adakah sikap negatif pembuli ini berpunca akibat kurangnya didikan keluarga, kurang penghayatan terhadap agama, pengaruh media sosial atau sikap tidak faham akan apa itu tanggungjawab sosial? Sudah lama soalan-soalan ini ada dalam hati kami semua. Ini menyebabkan kami bawa isu ini untuk dibincangkan [smka/tbkf/#1/nda/10.2.24]

Peserta 6: Kumpulan kami juga menyediakan skrip lakonan yang membawa isu kesalahan dan belas kasihan terhadap mangsa buli dan mangsa keganasan akibat pergaduhan antara kaum yang berbeza. Kami terdorong untuk menyediakan skrip ini untuk menunjukkan rasa prihatin kami kepada mangsa buli dan mangsa yang cedera akibat pergaduhan antara kaum yang berbeza. Saya sangat susah hati melihat mangsa buli. Ada yang sampai mati! Tujuan kami dalam menghasilkan skrip ini ialah untuk memberikan kesedaran tentang gejala negatif seperti ini kepada semua murid, supaya mereka juga sedar akan bahaya perbuatan gaduh dan buli di sekolah. [smkb/tbkf/#6/nda/15.2.24]

Analisis catatan jurnal juga menunjukkan elemen kesedaran moral yang ada pada peserta kajian. Selepas sesi penulisan skrip dan lakonan immoral, peserta kajian memberikan refleksi tentang tujuan penulisan skrip yang membawa isu-isu sosial seperti kejujuran dalam melaporkan kesalahan rakan, kepentingan nilai keadilan, rasional, bertimbang rasa, mengakui kesalahan dan nilai-nilai yang patut ada dalam menyelesaikan sesuatu dilema moral. Rujuk catatan jurnal berikut:

Peserta 2: Saya sedar, akan kesalahan watak Hamid yang membawa *vape* ke sekolah. *Vape* adalah bahan yang dilarang oleh sekolah. Ia satu kesalahan disiplin yang keras. Namun saya tetap melaporkan kepada guru disiplin kerana saya mempunyai tanggungjawab sebagai pengawas. Saya menjalankan tugas secara amanah. Saya rasa watak Hamid patut mengakui kesalahan diri, dan mengubah sikapnya menjadi manusia yang baik dan bermoral. Hati saya tidak tergamak untuk membiarkan Hamid rosak kerana *vape*. [smkc/jur/#2/12.2. 24]

Peserta 4: Saya juga berlaku adil dalam situasi yang melibatkan rakan saya yang ponteng sekolah. Saya yang memegang watak sebagai rakan karib Yazid terus memberitahu guru disiplin tentang Yazid yang ponteng kelas. Yazid telah dihukum oleh guru disiplin. Saya rasa tidak takut untuk melaporkan kesalahan ini. Saya berani kerana benar. Lagipun saya juga ada hati untuk menolong kawan saya. Saya buat laporan

bukan untuk hukum dia, tetapi untuk menyelamatkan dia daripada perbuatan tidak bermoral [smka/jur/#4/117.2. 24]

Analisis catatan pemerhatian juga menunjukkan bahawa, peserta kajian menunjukkan kesedaran moral yang tinggi dalam penghasilan skrip lakonan dalam teknik TPDM. Semua skrip yang dihasilkan menunjukkan konflik, dilema dan masalah yang ada dalam masyarakat. Watak-watak yang dibangunkan pula memiliki sikap dan pandangan anti-sosial yang berbeza. Masalah kepincangan akhlak, devian sosial, kesalahan disiplin dan kemerosotan moral dibangunkan sebagai skrip lakonan untuk dilakonan sebagai lakonan immoral. Hal ini berjaya mencetuskan konflik moral yang menarik dan realistik. Pengembangan skrip oleh peserta juga menunjukkan motif, sensitiviti dan kesedaran moral mereka yang mahu mewujudkan satu masyarakat yang bermoral, berakhlak dan harmoni. [smka/pmr/nda/10.2.24]

## **Tema 2: Emosi moral**

Emosi moral juga menjadi satu lagi tema yang terjana dalam kajian ini. Emosi moral berkaitan dengan perlakuan seseorang yang terikat secara emosi dengan situasi atau kesusahan yang dialami oleh orang lain. Individu yang terikat secara emosi akan berusaha untuk membantu mangsa demi menjaga kebajikan mangsa. Menurut Miho dan Batson (1982), kita hanya dapat mengenali diri kita apabila kita melihat diri melalui mata orang lain. Lakonan immoral yang dipersembahkan bukan sahaja mewujudkan emosi moral terhadap pelakon yang melakonkan watak-watak negatif, tetapi juga kepada para penonton yang menyaksikan persembahan tersebut. Lakonan immoral yang realistik dapat mewujudkan satu keterikatan emosi yang mahu membantu mangsa yang berada dalam kesusahan dengan niat untuk mewujudkan satu kehidupan sosial yang harmoni. Rujuk temu bual berikut:

Penyelidik: Bagaimana emosi kalian sebagai pelakon dan penonton lakonan immoral?

Peserta 3: Kami buat lakonan immoral yang membawa isu pergaduhan antara Razak, Paul dan Samy. Pergaduhan yang secara kecil-kecilan di sekolah sudah menjadi isu perkauman sehingga membawa pergaduhan yang besar di taman itu. Akhirnya polis datang untuk menyelesaikan masalah itu, tetapi ramai yang cedera dan terlantar di hospital. Sebagai pelakon, saya rasa perkara ini tidak patut berlaku. Saya yang memegang watak Razak sebenarnya boleh menyelesaikan masalah ini dengan meminta maaf saja kepada Paul dan Samy. Seolah-olah timbul rasa bersalah dalam diri saya. Saya yang menyebabkan ramai penduduk taman cedera. Tidak patut berlaku [smkc/tbkf/#3/nda/3.3.24]

Peserta 5: Saya yang menjadi penonton juga agak beremosi melihat kejadian yang berlaku dalam lakonan immoral. Persaan saya marah pun ada, kecewa pun ada dan sedih pun ada melihat isu yang ditunjukkan dalam lakonan immoral. Saya juga kecewa, jika tidak ada perpaduan negara kita kucar-kacir. Saya juga tidak mahu melihat persahabatan dan tali persaudaraan antara pelbagai kaum musnah akibat sebab yang remeh-temeh macam ini. Saya insaf akan kesalahan saya yang lepas-lepas, dan berjanji tidak akan bergaduh dengan rakan-rakan saya daripada kaum yang lain. Hidup aman damai lebih baik daripada bergaduh. [smkb/tbkf/#5/nda/9.3.24]

Analisis catatan jurnal juga menunjukkan peserta kajian memperlihatkan emosi moral untuk mengenal pasti tindakan yang bermoral dan tidak bermoral dalam menangani sesuatu isu. Peserta kajian yang menjadi pelakon ataupun penonton menunjukkan bahawa emosi moral harus menjadi panduan untuk membentuk tingkal laku yang baik, benar dan patut diambil dalam menangani sesuatu isu moral. Mereka mengakui emosi yang lahir daripada hati nurai yang sihat, adalah emosi moral yang memandu individu untuk mengambil keputusan bermoral dalam melakukan tindakan yang betul. Rujuk catatan jurnal berikut:

Peserta 1: Saya adalah pelakon yang memegang watak Razak dalam lakonan immoral. Saya rasa tindakan saya yang membuli Samy dengan kata-kata yang menghina budaya dia yang menyebabkan pergaduhan antara kami. Tindakan saya menghina budaya kaum India adalah tindakan yang salah. Saya sepatutnya tidak boleh menghina mereka dan jadikan budaya pakai “pottu/abu putih” di dahi sebagai bahan ejekan. Itu kesalahan saya. Tindakan saya yang tak ada moral menyebabkan, Samy marah saya.



Akhirnya kami bergaduh dan ia membawa kepada pergaduhan yang besar. Saya sedar dan insaf bahawa kita harus hormati budaya kaum lain dan hidup aman damai. [smkc/jur/#1/13.3. 24]

Peserta 4: Sebagai pelakon yang menghasut penduduk taman untuk bergaduh dengan kaum India dan Cina adalah tindakan yang tidak baik. Tindakan sebagai penghasut yang membawa kepada pergaduhan adalah tindakan tidak bermoral. Rasa menghasut dan mengapi-apikan keadaan timbul daripada hati yang tidak baik. Satu lagi ialah, saya sepatutnya tidak boleh beremosi sangat sehingga mengambil tindakan terburu-buru tanpa berfikir panjang tentang akibat menjadi “batu api”. Kita patut mempunyai hati yang baik, niat yang tulus tanpa buruk sangka dengan budaya dan amalan agama orang lain. [smkb/jur/#4/16.3. 24]

Analisis data pemerhatian turut menunjukkan bahawa, peserta kajian dapat menunjukkan emosi moral melalui lakonan immoral. Mereka sama ada menjadi pelakon ataupun penonton, masih menunjukkan bukti bahawa emosi moral menjadi panduan kepada tingkah laku moral dan perasaan moral. Lakonan immoral dapat membangkitkan emosi sendiri pelakon dan emosi ini pula membantu mereka memahami emosi orang lain. Lakonan immoral menjadi terapi psikologi kepada pelakon dan penonton untuk menyedari diri dan emosi sendiri mereka. Hal ini dapat menjadikan mereka sedar, insaf dan mampu membuat tindakan prososial yang bermoral demi kebaikan masyarakat. Kesedaran dan niat untuk hidup sebagai individu bermoral wujud daripada kesan emosi yang mendalam, kerana lakonan immoral menyentuh emosi mereka secara langsung. [smkb/pmr/nda/9.3.24]

### **Tema 3: Sikap rasional**

Satu lagi tema yang muncul daripada analisis data yang diperolehi ialah sikap rasional. Peserta kajian dapat menunjukkan sikap rasional, iaitu mereka boleh berfikir berdasarkan alasan dan bukti yang ada. Dalam sesi perbincangan dilema, beberapa isu yang dilakonan dalam bentuk lakonan immoral dibuka untuk perbincangan. Peserta kajian mampu membincangkan isu-isu seperti gengsterisme, budaya hedonisme, isu pergeseran antara kaum, buli dan masalah disiplin di sekolah secara lebih rasional. Masalah moral yang dipaparkan secara realistik membolehkan mereka membuat pertimbangan yang wajar sebelum membuat keputusan untuk menyelesaikan masalah. Setiap isu dipandang dari pelbagai perspektif dan mereka memberikan sebab musabab untuk menangani isu tersebut secara rasional. Rujuk temu bual berikut:

Penyelidik: Apakah kepentingan sesi perbincangan dilema dalam TPDM?

Peserta 2: Ini peluang kami untuk menyuarakan pandangan dan kritikan terhadap masalah yang dilakonan. Saya melihat isu seperti masalah disiplin di sekolah dengan lebih kritis. Kita lihat, mengapa murid-murid sekarang bertindak ganas kepada guru sehingga ada yang menumbuk guru? Tindakan murid memang salah dan harus dihukum. Ini adalah kesalahan disiplin yang serius, kerana murid menumbuk guru. Tetapi sebagai masyarakat kita juga harus memikirkan punca dan latar belakang murid yang membawa kepada masalah itu. Guru kini perlu lebih prihatin dan memahami masalah murid sebelum diberikan hukuman. Guru juga perlu lebih “mesra pelajar”, dan menangani isu disiplin murid dengan cara yang “bukan terlalu keras”. [smkc/tbkf/#2/nda/27.4.24]

Peserta 5: Saya juga bersetuju dengan pandangan rakan saya. Sesi perbincangan dilemma dapat memberikan kami peluang berfikir dan memberi alasan yang betul untuk menyelesaikan masalah yang wujud. Sebagai contoh, dalam lakonan tadi, Razak ada menyindir Samy, tentang adat budaya pakai “pottu/abu putih” di dahi oleh kaum India. Dalam kes ini, kita tidak boleh salahkan Razak semata-mata. Kita juga perlu salahkan masyarakat yang tidak mahu memahami adat dan budaya orang lain, selain adat dan budaya sendiri. Hukuman harus juga diberi kepada Razak, namun cara untuk menguatkan tali persahabatan antara Razak, Paul dan Samy juga harus difikirkan. [smkb/tbkf/29.4.24]

Analisis catatan jurnal juga menunjukkan sikap rasional penonton dalam memberikan idea penyelesaian kepada masalah yang dipaparkan melalui lakonan immoral. Mereka dapat memberikan pertimbangan yang wajar dalam menangani sesuatu isu moral. Peserta juga dapat memberikan idea yang logik, munasabah dan bernas untuk menyelesaikan isu moral yang dipaparkan. Rujuk catatan jurnal berikut:

Peserta 3: Saya rasa, sesi perbincangan dilemma ini perlu untuk murid menggunakan otak mereka bagi berfikir. Isu-isu yang diberikan ialah isu-isu yang menunjukkan masyarakat kita menjadi masyarakat yang tidak bermoral, dan hidup dalam keadaan yang tidak tenteram. Mereka sudah tidak rasional lagi untuk berfikir dan bertindak secara bermoral. Saya sedih, jika keadaan ini dibiarkan, kita akan hilang satu negara yang baik seperti Malaysia. Kita harus pegang pada prinsip Rukun Negara untuk hidup aman dan makmur. Isu-isu ini jadi teladan kepada generasi muda untuk berubah sikap menjadi manusia yang bermoral. [smka/jur/#3/16.4.24]

Peserta 6: Murid perlu berfikir dengan alasan yang munasabah. Kita perlu rasional dalam menangani masalah moral. Kita tak boleh *very emosional* apabila ada isu. Murid perlu ada kemahiran membuat keputusan yang betul dan bermoral. Semua ini bermula daripada hati yang baik. Hati yang baik boleh memberikan kekuatan kepada kita untuk berfikir tentang benda yang baik atau buruk. Murid sebagai generasi muda perlu utamakan semangat kekitaan dalam wujudkan masyarakat berakhlak. [smkb/jur/#6/26.4.24]

Sementara itu, analisis data pemerhatian pula menunjukkan wujudnya sikap rasional dalam kalangan peserta kajian. Setiap peserta kajian dapat memberikan hujah, pandangan dan idea yang bernas untuk menangani isu-isu moral. Niat dan motif mereka adalah jelas, iaitu setiap individu dalam masyarakat harus membuat pertimbangan serta mengambil keputusan yang rasional untuk mewujudkan masyarakat tanpa adanya masalah moral. Sesi ini juga selaras dengan konsep pengajaran berasaskan dialog (Boal, 2008) iaitu penggunaan dialog reflektif untuk meneroka isu-isu moral dan membina kemahiran penaakulan. Murid dapat melihat setiap dilema moral daripada perspektif mereka sendiri, berdasarkan rasional yang dibentuk oleh latar belakang sosial mereka. Selain menggalakkan pemikiran kritis dan kreatif sesi perbincangan dilemma turut menyumbang kepada kematangan moral murid, membolehkan mereka membuat pertimbangan dan keputusan yang berasaskan penaakulan apabila berhadapan dengan dilema moral. [smkc/pmr/nda/22.4.24]

#### **Tema 4: Empati moral**

Dalam pada itu, empati moral merupakan satu lagi tema yang terjana dalam kajian ini. Para peserta kajian dapat menunjukkan empati moral yang berkait rapat dengan konsep hati nurani. Peserta kajian dapat menunjukkan empati moral semasa mereka terlibat dalam lakonan penyelesaian dilema. Peserta kajian mampu meletakkan diri mereka dalam emosi dan penderitaan orang lain. Peserta (murid) mengutamakan kebajikan watak-watak yang teraniaya, dalam lakonan immoral. Ternyata, peserta kajian meletakkan diri mereka ke dalam situasi watak-watak yang teraniaya dengan penuh empati dan seterusnya mereka terdorong untuk menyelamatkan atau mengubah keadaan yang tidak bermoral kepada yang lebih bermoral. Rujuk temu bual berikut:

Penyelidik: Bagaimana lakonan penyelesaian dilema mengembangkan empati moral?

Peserta 1: Semasa lakonan immoral, saya dapat merasakan bahawa diri saya berada dalam situasi watak kanak-kanak yang bekerja di kedai makan untuk membeli kasut sekolah. Saya memerhatikan lakonan itu dengan penuh simpati dan empati. Cerita ini dapat mencetuskan perasaan empati moral kerana saya juga pernah melalui kisah seperti ini dalam hidup saya. Anak jiran saya pernah bekerja di kedai makan di pekan untuk mendapatkan wang bagi membeli kasut sekolah. Saya dapat mengenal pasti masalah budak itu dan dapat merasakan kesusahannya. Dalam lakonan ini, watak saya bertindak untuk membelikan kasut untuk budak itu. Lakonan immoral mencetuskan perasaan simpati dan empati untuk saya menolong watak kanak-kanak yang berada dalam kesusahan. [smkb/tbkf/#1/nda/4.5.24]

Peserta 5: Dalam lakonan penyelesaian dilema, saya mengubah watak Imran yang menjadi penghasut penduduk taman untuk bergaduh dengan kaum India dan kaum Cina. Saya telah melihat masalah pergaduhan antara kaum yang membawa kerugian harta benda dan kecederaan kepada jiran-jiran yang ada di taman itu. Ketenteraman taman telah hilang. Oleh itu, dalam lakonan penyelesaian dilema, saya mengambil alih watak Imran dan meminta penduduk yang ingin mencetuskan pergaduhan untuk bertenang dan mencari jalan untuk menyelesaikan masalah. Saya melaksanakan tindakan ini atas rasa simpati dan empati terhadap mangsa. Saya mahu manusia hidup tanpa gaduh. [smka/tbkf/#5/nda/8.5.24]

Analisis catatan jurnal peserta juga menunjukkan mereka mempunyai perasaan empati moral. Mereka yang terlibat dalam lakonan immoral juga mengakui, lakonan itu masih mampu membangkitkan tindak balas empati yang kuat. Oleh itu, semasa lakonan penyelesaian dilema mereka mahu menyelesaikan masalah yang diberikan atas dorongan empati. Semasa menonton lakonan immoral, penonton dapat membayangkan diri mereka berada dalam situasi yang sama dan mereka mula membina hubungan emosi yang menjurus kepada simpati serta empati moral. Sebagai penonton lakonan immoral, peserta kajian juga dapat membenarkan diri mereka mengalami apa yang dialami oleh watak-watak dalam lakonan tersebut dan merasai apa yang dirasakan oleh watak-watak berkenaan. Peserta mampu merasai kesakitan atau penderitaan orang lain dalam konteks empati moral. Rujuk catatan jurnal berikut:

Peserta 3: Saya dapat membayangkan diri saya berada dalam situasi watak Felix yang miskin dan tiada *hand phone*. Situasi cikgu kelas yang menyindir Felix yang tidak ada *hand phone* dan dia tidak dapat *joint* dalam *Group Whatsapp* guru kelasnya, juga telah menyentuh perasaan saya. Guru kelas mengatakan beliau akan memberikan kerja rumah untuk murid kelasnya melalui *Group Whatsapp* kelas. Saya sedih dengan keadaan Felix yang disindir oleh guru kelas dan rakan-rakannya juga. Sebab itu, dalam lakonan penyelesaian dilema saya menjadi guru kelas yang memahami keadaan Felix dan mengambil keputusan untuk tidak wujudkan *Group Whatsapp*. Saya memberikan kerja rumah di dalam kelas sahaja. [smkc/jur/#3/22.5.24]

Peserta 4: Satu lagi isu ialah ketagihan akan permainan *online games* oleh watak Thajeish. Walaupun dinasihati oleh bapanya, Thajeish masih bermain *online games* dengan rakan-rakannya hingga ke waktu pagi. Dia juga tidur pada hari siang dan bermain *online games* pada waktu malam. Gaya hidup Thajeish menyebabkan bapanya *stress* dan jatuh sakit. Dalam lakonan penyelesaian masalah, saya menjadi ahli psikologi yang menjadi penceramah di sekolah Thajeish. Saya dapat memberikan ceramah tentang bahaya ketagihan gajet kepada kesihatan diri, kecerdasan otak, pemikiran dan juga kepada ahli keluarga yang lain. Selepas ceramah ini watak Thajeish telah mengubah gaya hidupnya menjadi lebih sihat. Dia tidak bermain *online games* lagi [smkc/jur/#4/29.5.24]

Analisis data pemerhatian menunjukkan bahawa peserta kajian mempunyai empati moral. Sikap murid yang ingin membantu rakan membuktikan keprihatinan empati terhadap kesejahteraan orang lain. Murid yang terlibat dalam kaedah TPDM mampu membangunkan aspek empati berasaskan keprihatinan. Mereka mampu menunjukkan rasa prihatin atau mengambil berat terhadap watak-watak dalam lakonan immoral. Empati moral ialah emosi penting kerana ia memotivasikan individu untuk bertindak secara bermoral. Dalam konteks kajian ini, murid dapat menyelami perasaan watak-watak yang tertindas dan peristiwa yang mereka alami telah mengaktifkan struktur saraf seseorang, seolah-olah mereka sendiri yang mengalami situasi tersebut, dan seterusnya mempengaruhi tahap empati (Hoffman, 1976, 2000). [smka/pmr/nda/14.5.24]

## PERBINCANGAN

Teknik Teater Perbincangan Dilema Moral (TPDM), dapat merangsang hati nurani dan seterusnya menyokong kepada kemekaran insan (*human flourishing*). Segmen pengembangan skrip, lakonan immoral yang realistik dan isu-isu moral yang dilakonan dalam lakonan immoral, memberi ruang kepada murid menilai isu-isu moral dalam pelbagai perspektif. Mereka juga mampu mempertimbangkan isu-isu tersebut secara bermoral dan beretika. Peserta juga dapat mengambil kira nilai-nilai seperti keadilan, kejujuran, keberanian dan belas kasihan. Hal ini juga secara langsung dapat membina kebolehan berfikir secara rasional, bertanggungjawab dan berempati yang menjadi asas kepada kemekaran insan. Ternyata dapatan kajian ini juga menyokong pendapat Kristjánsson dan Fowers (2024), bahawa lakonan yang realistik mempunyai kuasa untuk menyentuh emosi dan jiwa penonton, sekali gus membina kesedaran moral.

Selain itu, para pelakon yang melakonkan lakonan immoral dan juga lakonan penyelesaian dilemma dapat mengalami kehidupan orang lain melalui watak-watak yang dilakonan. Mereka dapat “masuk” atau dapat menyelami konflik moral watak-watak lain dan menghayati pemikiran, perasaan dan kehendak batin mereka. Tindakan mengambil perspektif orang lain dan meletakkan diri ke dalam situasi orang lain dapat secara langsung menyuburkan sifat empati. Menurut Noddings (2002), empati

adalah asas kepada tindakan bermoral. Penemuan ini menyokong pendapat Noddings (2002) bahawa “empati dalam keprihatinan sentiasa berorientasikan kepada orang lain” (hlm. 31). Menurut beliau lagi, “memahami realiti orang lain, merasai apa yang dirasakan oleh mereka sedekat mungkin, adalah sebahagian penting dalam keprihatinan sosial” (Noddings, 2003, hlm. 16). Perasaan empati moral yang wujud dalam hati nurani mereka juga mendorong kepada motif untuk membantu orang lain, bertoleransi serta mewujudkan kesedaran sosial yang menjadi asas kemekaran insan.

Teater Perbincangan Dilemma Moral juga menggabungkan unsur dialog, suara dan aksi yang menyentuh emosi individu. Peserta yang berlakon pula dapat menghayati watak yang dilakonan berserta emosi watak itu seperti suka, duka, gembira, pilu, bangga, marah, kecewa, bersyukur, takut dan simpati. Manakala para penonton juga turut terlibat secara emosi dalam babak-babak yang dipaparkan dalam lakonan immoral atau lakonan penyelesaian dilema. Hal ini mampu memberikan satu pengalaman pembelajaran yang menyentuh hati dan perasaan mereka secara holistik. Dalam konteks ini, Best (1992) menyatakan bahawa emosi dan perasaan tidak terpisah daripada kognitif. Malah, emosi merupakan sejenis kognitif kerana emosi memberikan sebab kepada sesuatu reaksi dan tindakan. Oleh itu, hubungan sebab-akibat juga boleh dikawal oleh emosi, memandangkan emosi berkait rapat dengan tingkah laku. Keterlibatan dalam emosi yang mendalam dalam dilema moral yang dipaparkan dapat memberi kesan kepada diri dalam membentuk nilai diri. Keterikatan emosi, selain mengembangkan aspek kognitif, ia juga mampu mengembangkan aspek kerohanian serta spiritual yang mampu mengembangkan kemekaran insan.

Keseluruhan teknik TPDM juga dapat membangunkan identiti, nilai diri dan jati diri warganegara Malaysia. Penglibatan dalam keempat-empat langkah TPDM memberi peluang kepada murid untuk membuat refleksi tentang nilai peribadi dan identiti diri mereka. Latihan untuk mengamalkan nilai-nilai atau moral yang baik dalam seni teater dianggap sebagai asas kepada kehidupan bermoral (Lickona, 1996, 2008). Hal ini juga dapat menggalakkan kesedaran diri, kejelasan nilai dan keyakinan moral yang tinggi. Individu yang mempunyai identiti dan jati diri yang kukuh cenderung membuat keputusan yang bijak, matang dan penuh iltizam. Hal ini juga menjadi asas untuk kehidupan yang bermakna dan berkualiti. Mereka juga dapat memperkukuh keperibadian dan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia seperti nilai suka menolong, kerjasama, semangat kejiranan, baik hati, hemah tinggi, cinta akan negara, mematuhi undang-undang dan hidup bersama secara harmoni. Nilai-nilai murni yang diamalkan ini menjadi paksi untuk perkembangan kemekaran insan murid, yang merupakan warganegara Malaysia.

Selain itu, aktiviti TPDM yang dijalankan secara berkumpulan juga menggalakkan kerjasama, dialog secara terbuka dan sikap saling menerima pandangan orang lain. Dialog dramatik boleh dikatakan lebih berkesan daripada berbicara dan berbahas dalam menyampaikan sesuatu isu moral (Boal, 2008). Perbincangan tentang dilemma moral akan meletakkan mereka berdepan dengan pilihan yang sukar. Hal ini merangsang pelakon dan juga penonton untuk merenung nilai, prinsip, dan etika mereka sendiri. Sesi perbincangan dilemma selepas lakonan immoral juga dapat membina kesedaran moral, empati, dan kefahaman mendalam terhadap isu yang dibangkitkan. Pendekatan interaktif ini menjadikan TPDM menjadi medium transformasi sosial, kerana ia menggalakkan sikap berfikir secara kritis dan kreatif, membuat keputusan berasaskan prinsip moral dan mengambil perspektif orang lain. Hal ini menjadi asas pembinaan masyarakat yang beretika, madani dan berperikemanusiaan. Pembentukan masyarakat yang subur dari segi moral dan nilai kemanusiaan adalah cerminan kepada kemekaran insan secara kolektif.

Persembahan ini juga membangkitkan kesedaran dalam kalangan pelakon tentang kesan tingkah laku tidak bermoral seperti membuli, penyalahgunaan dadah, mencuri, ketagihan alkohol, dan lain-lain terhadap individu dan masyarakat. Hal ini membawa kepada kewujudan kesedaran diri dalam kalangan pelakon, selaras dengan idea Levy (1997) bahawa “yang luaran” seperti perlakuan atau lakonan boleh membentuk “yang dalaman”, iaitu pemikiran, sikap, dan emosi seseorang. Konsep transformasi watak dalam TPDM ini adalah seiring dengan konsep “pengambilan perspektif” atau “pengambilan peranan” dalam pendidikan moral. Menurut Kohlberg (1984), “pengambilan peranan” dan “pengambilan perspektif” merupakan langkah pertama ke arah memahami diri sendiri dan orang lain sebagai subjek yang sama, dan ini membentuk asas perkembangan moral, interpersonal, dan sosial. Menurut Verducci (2000), sekiranya seseorang dapat menguasai aspek luaran (psikomotor), maka aspek dalaman (kognitif dan afektif) akan turut terbentuk, kerana ketiga-tiga aspek ini saling berkait rapat.

Hal ini dapat memupuk kemekaran pemikiran, emosi, tingkah laku, dan perwatakan moral seseorang manusia.

Teknik ini memberikan peluang kepada murid dan guru untuk meneroka serta mengamalkan pelbagai dilema moral, sambil melatih diri membuat keputusan yang berlandaskan moral. Ia juga merangsang kesedaran emosi individu, yang seterusnya membentuk perasaan moral yang mendorong kepada tingkah laku moral yang terpuji. Selain itu, ia menyumbang kepada kematangan moral murid, membolehkan mereka membuat pertimbangan dan keputusan yang beralasan apabila berdepan dengan dilema moral. Dalam hal ini, teknik pengulangan merupakan satu pengalaman moral yang berpotensi untuk murid, menurut Levy (1997). Elemen ini dirujuk sebagai “latihan semula” atau pengulangan dalam Teater Perbincangan Dilema Moral. Elemen pengulangan dalam teater, seperti yang dinyatakan oleh Levy (1997), masih digunakan secara meluas untuk mendidik dan memupuk “kebenaran mutlak” atau sikap mulia di sekolah. Dalam erti kata lain, murid harus diberikan latihan kemahiran moral yang mencukupi di dalam bilik darjah agar nilai yang dipelajari dapat menjadi amalan peribadi. Aristotle turut menekankan kepentingan latihan secara berulang dan pengalaman sebenar dalam memupuk kebaikan demi kemekaran insan.

## KESIMPULAN

Justeru, dalam mendepani pendidikan 5.0 aspek hati nurani dan kemekaran insan perlu diambil kira. Konsep masyarakat 5.0 yang dilahirkan juga sinonim dengan konsep Masyarakat Madani (*civil society*) yang bukan sahaja maju dari aspek pemikiran dan kebendaan tetapi juga kerohanian. Dalam keghairahan kita melengkapkan elemen prasarana teknologi yang canggih kita juga harus berpasak pada pemerkasaan hati nurani yang menjadi tunjang kemekaran insan. Penguasaan teknologi dan kerjaya perlu diseimbangkan dengan unsur manusiawi demi pemekaran kemanusiaan yang sejahtera. Setiap individu pelajar harus berkembang mekar untuk menjamin bumi ini sebagai taman syurga yang indah dan seronok untuk dihuni. Oleh itu, memupuk kesejahteraan insan melalui pedagogi pendidikan moral adalah satu kewajiban etika dan keperluan praktikal. Dengan memperkasa pedagogi inovatif seperti TPDM kita meletakkan asas untuk individu dan masyarakat berkembang mekar secara kolektif.

## RUJUKAN

- Aristotle. (2009). *The Nicomachean ethics*. Oxford: Oxford University Press.
- Churchland, P. S. (2019). *Conscience: The origins of moral intuition*. New York, NY: W. W. Norton & Company.
- Best, D. (1992). *The Rationality of Feeling*. London: Falmer.
- Boal, A. (2008). *Theatre of the Oppressed*. London: Pluto Press.
- Boal, A. (2022). *Games for actors and non-actors*. (Adrian Jackson, Trans.). New York, NY: Routledge.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3, 77–101.
- Churchland, P. S. (2019). *Conscience: The origins of moral intuition*. New York, NY: W. W. Norton & Company.
- Colby, R. (1987). Moral Education through drama: A ‘beyond justice’ perspective”. *Two Drama/Dance*, 7(1), 72–80.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2017). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approach*. Sage publications.
- Curren, R. (2013). A neo-Aristotelian account of education, justice and the human good. *Theory and Research in Education*, 11(3), 231–249.
- Curzer, H. J. (2012). *Aristotle and the virtues*. Oxford: Oxford University Press.
- De Ruyter, D.J., & Wolbert, L.S. (2020). Human flourishing as an aim of education. Dalam G. Noblit & K. Hytten (Eds.), *Oxford research encyclopedia of education*. doi:10.1093/acrefore/9780190264093.013.1418.
- Dewey, J. (1947). *Experience and education*. New York, NY: Macmillan.
- Dunne, J. (1999). Virtue, phronesis, and learning. Dalam D. Carr & J. Steutel (Eds.), *Virtue ethics and moral education* (pp. 49–63). London: Routledge.
- Ehrenfeld, J. (2019). *The right way to flourish: Reconnecting with the real world*. New York: Routledge.
- Eisenberg, N. (2000). Emotion, regulation and moral development. *Annual Review of Psychology*, 51, 665–697.
- Eisenberg, N. (2006). *Altruistic emotion, cognition and behaviour*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Heynen, E., Hoogsteder, L., van Vugt, E., Schalkwijk, F., Stams, G.-J., & Assink, M. (2023).

- Effectiveness of Moral Developmental Interventions for Youth Engaged in Delinquent Behavior: A Meta-Analysis. *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology*, 0(0). <https://doi.org/10.1177/0306624X231172648>
- Hoffman, M. L. (1976). Empathy, role-taking, guilt and development of altruistic motives. Dlm. T. Lickona (Ed.), *Moral development and behavior*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Hoffman, M. L. (2000). *Empathy and moral development: Implication for caring and justice*. New York: Cambridge University Press.
- Ismail, N., Makhzin, M., Noor, A. M., Ismail, U. S., & Halim, W. M. A. W. (2022). Program pementoran Islam rakan sebaya sebagai medium pendidikan adab di era Society 5.0. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7(46), 545-560.
- Kamus Dewan, Edisi Keempat. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karim, M.S.A.A., Long, A.S., & Badaruddin, F. (2021). Pendidikan akhlak dalam menangani isu gejala sosial pelajar [Moral education in addressing the issue of student sosial symptom]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(3), 49-60.
- Kohlberg, L. (1984). *The psychology of moral development: The nature and validity of moral stages*. San Francisco, CA: Harper & Row.
- Kristjánsson, K. (2020). *Flourishing as the aim of education: A neo-Aristotelian view*. Oxon: Routledge.
- Kristjánsson, K., & Fowers, B.J. (2024). *Phronesis: Retrieving practical wisdom in psychology, philosophy, and education*. Oxford: Oxford University Press.
- Levy, J. (1977). Theatre and Moral Education. *Journal of Aesthetic Education*, 31, 65-75.
- Lin, X.-F., Wang, Z., Zhou, W., Luo, G., Hwang, G.-J., Zhou, Y., Wang, J., Hu, Q., Li, W., & Liang, Z.-M. (2023). Technological support to foster students' artificial intelligence ethics: An augmented reality-based contextualized dilemma discussion approach. *Computers & Education*. 201. 104813. [10.1016/j.compedu.2023.104813](https://doi.org/10.1016/j.compedu.2023.104813).
- Miho, T., & Batson, C. D. (1982). More evidence that empathy is a source of altruistic motivation. *Journal of Personality and Social Psychology*, 43(2), 281-29.
- Narvaez, D. (1994). Opening a new window into the moral mind: Recall for moral stories. *Moral Education Forum*, 19(3), 2-13.
- Narvaez, D., & Bradshaw, G.A. (2023). *The evolved nest: Nature's way of raising children and creating connected communities*. Berkeley, CA: North Atlantic Books.
- Naselli, A. D., & Crowley, J. D. (2016). *Conscience: What is it, how to train it, and loving those who differ*. Wheaton, IL: Crossway.
- Noddings, N. (2002). *Educating moral people: A caring alternative to character education*. New York, NY: Teachers College Press.
- Noddings, N. (2003). *Caring a feminine approach to ethics and moral education*. Berkeley, CA: University of California Press.
- Novak, G. M. (2019). Applied drama and forum theater in the classroom: An arts-based research in social integration. *Hungarian Educational Research Journal*, 9(3), 1–5. DOI:10.1556/063.9.2019.3.47
- Rasmussen, D.B. (1999). Human flourishing and the appeal to human nature. Dalam E. Frankel, F. D. Miller, & J. Paul (Eds.), *Human flourishing* (pp. 1-43). Cambridge: Cambridge University Press.
- Rest, J. (1986). *Moral development. Advances in research and theory*. New York, NY: Praeger.
- Richards, L., & Morse, J.M. (2007). *Readme first for a user's guide to qualitative methods*. London: Sage.
- Rizka, M., Kinanti, S., & Kencana, A. L. (2021). Penguatan pendidikan karakter dalam menghadapi standarisasi pendidikan menuju era Human Society 5.0. Web Seminar (Webinar), Standarisasi pendidikan sekolah dasar menuju era Human Society 5.0," 447–452.
- Ryan, R.M., Curren, R.R., & Deci, E.L. (2013). What humans need: Flourishing in Aristotelian philosophy and self-determination theory. Dalam A.S. Waterman (Ed.), *The best within us: Positive psychology perspectives on eudaimonia* (pp.57-75). Worcester, MA: American Psychological Association.
- Thambu, N., Abd.Rhapor, A., & Sukadari. (2021). Teater Perbincangan Dilema Moral: Pendekatan transformatif dalam melaksanakan kandungan kurikulum Buku Teks Pendidikan Moral. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 5(3), 1-17.
- Verducci, S. (2000). A moral method? Thoughts on cultivating empathy through method acting. *Journal of Moral Education*, 29(1), 87-99.
- Winston, J. (1999). Theorising Drama as Moral Education. *Journal of Moral Education*, 28 (4), 459-471.
- Zakrzewski, V. (2021). Four ways teachers can help students develop a conscience. [https://greatergood.berkeley.edu/article/item/four\\_ways\\_teachers\\_can\\_help\\_students\\_develop\\_a\\_conscience](https://greatergood.berkeley.edu/article/item/four_ways_teachers_can_help_students_develop_a_conscience)